

CATATAN ANALISIS KANDUNGAN

<p>Butiran Dokumen</p> <p>KERJA PROJEK SEJARAH KST TAHUN 2006</p> <p>NAMA PELAJAR : P1 TAJUK : PERISTIWA 13 MEI BILANGAN : 1</p>
--

Catatan Analisis Kandungan	Soalan/ Komen
<p><u>Semakan secara keseluruhan hasil pelaporan pelajar.</u></p> <p>Pelajar ini membidang hasil kajiannya hanya dengan membuat tebukan dua lubang dan dimasukkan 'clip' di dalamnya. Menggunakan tiga helai kertas keras berwarna sebagai muka hadapannya.</p> <p>Pelajar ini memperolehi markah penuh daripada E1 dan E2 manakala 3 markah markah dalam E3 menjadikan markahnya sebanyak 11 markah di borang 1</p> <p>Pelajar ini hanya melampirkan 3 sumber sahaja iaitu jurnal, buku ilmiah dan Internet walaupun dia menandakan 6 sumber dalam senarai semak E1 iaitu buku ilmiah, jurnal, akhbar, majalah, melawat tempat kajian, dan Internet. Tidak ada bukti yang menunjukkan pelajar melawat tempat kajian.</p> <p>Dalam senarai semak E2 pula, kesemua perkara telah ditanda oleh guru. dan guru telah menurunkan tanda tangannya di bahagian ini namun saya dapati pelajar tidak menuliskan tajuk di bahagian ini dan tidak melampirkan sesuatu kecuali soalan kerja kursus daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia. Guru hanya menurunkan tandatangan diborang senarai semak elemen 3 tanpa menandakan bilangan unsur patriotisme yang telah ditulis oleh pelajar.</p>	<p>Binding seperti ini mungkin memudahkan pelajar mengganti/menambah mana-mana bahagian yang berkaitan.</p> <p>Markah penuh E1,E2 dan E3 ialah 4 markah. Jumlah keseluruhan markah ialah 12 markah.</p> <p>Tahap pencapaian pelajar berdasarkan:</p> <p>9-12- Cemerlang 6-8- Kepujian 3-5- Memuaskan 1-2 Mencapai sebahagian tahap penguasaan minimum 0 – tidak menjalankan kerja kursus.</p> <p>Adakah perlu dimasukkan "melawat tempat kajian" dijadikan sebagai sumber bahan</p> <p>Apakah yang dimaksudkan dengan "lampiran". Merujuk kepada buku panduan lampiran ialah gambar, peta, dokumen dan lain-lain yang perlu ditulis kapsyen dibawahnya. Mengapa lampiran perlu</p>

<p><u>Semakan secara terperinci di bahagian/ elemen 1 (Sumber maklumat).</u></p> <p>Saya mendapati bahawa bahan sebenar yang diperolehi dan digunakan oleh pelajar ini dalam kajiannya ialah ialah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Artikel yang bertajuk “Peristiwa 13 Mei merupakan satu garis pemecah antara perkembangan-perkembangan sebelum dan selepasnya. Bincangkan.” Diperolehi daripada Arkib Negara (berdasarkan cop Arkib Negara Malaysia) tetapi tidak ditulis pada bahan tersebut sumber sebenarnya. 2. Sebahagian daripada buku bertajuk “13 Mei” daripada muka surat 46-64. Juga diperolehi daripada Arkib Negara (berdasarkan cop Arkib Negara Malaysia) dan tidak ditulis pada bahan tersebut sumber sebenarnya. 3. Artikel daripada laman web yang disediakan oleh Wikipedia bertajuk “ Peristiwa 13 Mei” <p><u>Semakan secara terperinci di bahagian/ elemen 2 (Laporan Hasil Kajian).</u></p> <p>Pelajar membuat pelaporan dengan menggunakan Ms Word Times New Roman, 12 font, langkau 2 baris. Mengandungi 31 muka surat, mempunyai kepala muka surat yang bertulis “Confidential-Kajian Sejarah Tempatan/2006” dan kaki yang bertulis “SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI RAWANG- Created by PMR CANDIDATE”. Pelajar telah menggunakan pelbagai bentuk tulisan berwarna merah dalam saiz font lebih kurang 100 untuk menunjukkan tajuk utama seperti Isi kandungan, Penghargaan, Objektif kajian, Kaedah kajian, Hasil kajian, dan Rujukan.</p> <p>Di bahagian isi kandungan, pelajar telah menggunakan jadual untuk menunjukkan isi kandungan kajiannya yang mengandungi penghargaan, objektif, kaedah kajian, hasil kajian (tugas satu), tugas dua (esei) dan rujukan. Pelajar menulis muka surat kandungan dengan menggunakan tulisan tangan.</p> <p>Di bahagian penghargaan, pelajar telah menyatakan penghargaan kepada guru kelas, ibu bapa, adik-adik dan rakan-rakan yang banyak membantunya dalam menyiapkan</p>	<p>dimasukkan dalam pelaporan ini sebelum senarai rujukan?</p> <p>Sumber maklumat tidak mencukupi. (semak anggaran sumber maklumat yang mencukupi)</p> <p>Pelajar ini telah memasukkan tugas 3 (esei) di dalam hasil kajiannya yang dinyatakan dalam isi kandungan.</p>
---	---

<p>kerja kursus tersebut.</p> <p>Di bahagian objektif kajian, pelajar telah memberikan 5 Objektif kajian iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui dengan lebih mendalam tentang peristiwa 13 Mei 2. Memenuhi syarat keperluan PMR 2006 bagi subjek sejarah 3. Memupuk semangat kerjasama dan toleransi di kalangan orang yang terlibat dengan kajian ini. 4. menghargai sumbangan dan pengorbanan yang telah diperjuangkan 5. melahirkan rasa bangga dengan kejayaan yang dicapai semasa peristiwa 13 Mei <p>Di bahagian kaedah kajian, pelajar menggunakan kaedah rujukan, pemerhatian dan penyelidikan. Dalam kaedah rujukan, pelajar ini menyatakan merujuk buku-buku berkaitan, majalah dan Internet, mengunjungi Arkib Negara dan Perpustakaan Muzium Negara. Dalam kaedah penyelidikan, pelajar ini menyatakan dia menjalankan penyelidikan di perpustakaan Sekolah dan Perpustakaan Negara dan dalam kaedah pemerhatian, dia menyatakan bahawa dia melakukan pemerhatian di serata Malaysia yang terlibat sebagai lokasi peristiwa 13 Mei untuk melihat kawasan dan keadaan selepas 13 Mei.</p> <p>Di bahagian hasil kajian, saya mendapati bahawa pelajar ini telah meniru artikel daripada lama web. Perkataan dan ayat yang digunakan di dalam hasil kajiannya ini diambil seratus peratus daripada artikel yang dihasilkan oleh wikipedia. Terdapat bukti “cut and paste” di muka surat 9 di mana perkataan Bahasa Kebangsaan, Melayu, Bumiputera, Parti Perikatan, Dewan Rakyat, Parlimen, Gerakan, DAP PPP dan PAS digariskan. Perkataan yang bergaris ini adalah merupakan ‘hyperlink’ dalam artikel yang sebenar. Saya sendiri telah melayari laman web berkenaan dan ternyata pelajar ini memang melakukan kesalahan ini kerana terbukti setiap perkataan/ ayat yang terdapat dalam penulisannya ada tertera dalam artikel tersebut.</p> <p>Di bahagian rumusan/ kesimpulan, pelajar mengulas peristiwa tersebut dengan menyatakan bahawa “peristiwa 13 Mei 1969 merupakan satu garis pemecah antara perkembangan-perkembangan politik sebelum dan selepasnya”. Disamping itu pelajar hanya memberikan dua kesan peristiwa tersebut iaitu penyusunan semula masyarakat dan menghadkan demokrasi sedangkan banyak</p>	<p>Pelajar tidak dapat membentuk objektif kajian dengan baik. Hanya objektif 1 yang difikirkan oleh penyelidik boleh di terima dalam kajian ini. Pelajar perlu bimbingan untuk menghasilkan objektif kajian yang baik.</p> <p>Pelajar juga tidak dapat menyatakan dan menentukan kaedah kajian yang sebenar di dalam kajiannya ini.</p> <p>Pelajar perlu bimbingan dalam menentukan kaedah kajian dalam menjalankan kajiannya.</p> <p>Pelajar telah melakukan plagiat Adakah pelajar tidak tahu etika dalam menggunakan sumber maklumat atau sebaliknya? Adakah guru tidak menyedari situasi ini?</p> <p>Pelajar tidak dapat membuat rumusan yang padu kerana hasil tulisan itu tidak datang dari dalam pemikirannya sebaliknya hanya meniru artikel yang telah ada.</p>
--	--

<p>lagi kesan peristiwa tersebut sehingga ke hari ini.</p> <p>Di bahagian rujukan, pelajar ini telah meletakkan rujukan di bahagian akhir selepas elemen 3(esei). Pelajar telah menuliskan 7 rujukan yang digunakan dalam kajian ini. Berbeza daripada sumber maklumat yang diperolehi di elemen 1 iaitu hanya 3 bahan sahaja yang dikepikan. Cara penulisan sumber rujukan tidak betul. Sumber dari Internet hanya ditulis: http://ms.wikipedia.org/wiki/peristiwa_13_Mei. Nama tempat telah dijadikan sumber rujukan contohnya Dewan Penyelidikan, Arkib Negara, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Rujukan yang digunakan oleh wikipedia telah ditulis sebagai rujukannya iaitu Ramlah Adam “Biografi Politik Tuanku Abdul Rahman Putra”, DBP, 2004.</p> <p><u>Semakan secara terperinci di bahagian/ elemen 3 (Esei).</u></p> <p>Pelajar ini telah menulis lebih kurang 517 patah perkataan berdasarkan kiraan melintang 11 patah perkataan darap 47 baris. Pelajar tidak langsung membawakan rumusan daripada peristiwa yang dikajinya/ idea baru itu untuk mengarang esei ini. Isu yang disentuh oleh pelajar ialah “kita mesti belajar bersungguh-sungguh supaya dapat menyumbang idea yang bernas kepada negara”, “kita hendaklah menyokong kerajaan” dan ‘kita hendaklah menjaga hubungan diplomatik antara Malaysia dan Negara lain”</p> <p>Secara keseluruhannya, saya dapati bahawa terdapat banyak kesilapan dalam menaip perkataan, hasil kajian tidak dipaparkan dalam bentuk yang pelbagai (graf, jadual, carta dan gambar rajah), objektif kajian tidak jelas, kaedah kajian tidak tepat dan tidak dilaporkan dalam hasil kajian contohnya kaedah pemerhatian. Kajian juga tidak disokong oleh gambar dan peta lokasi. Sumber maklumat tidak mencukupi. Pelajar tidak berusaha untuk mendapatkan sumber sebenar maklumat yang telah diperolehi. Guru [seolah-olah] tidak membimbing pelajar terutama dari segi sumber maklumat dan penulisan gaya rujukan. Guru [seolah-olah] tidak membaca hasil kajian pelajar kerana tidak menyedari aktiviti plagiat yang dilakukan oleh pelajar. Malah guru telah memberikan markah penuh di Elemen 1 dan 2 sedangkan pelajar gagal menyatakan sumber maklumat yang sebenarnya dan telah meniplak karya orang lain. Pelajar tidak mengaplikasikan idea yang diperolehi daripada hasil kajiannya untuk menghasilkan satu esei yang baik.</p>	<p>Pelajar tidak dapat</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menulis gaya penulisan bibliografi yang betul, 2. membezakan sumber-sumber rujukan, 3. membezakan antara rujukan dan bibliografi 4. mengenalpasti sumber rujukan sebenar. <p>Bahagian ini boleh membantu pelajar-pelajar menggunakan dan menjana idea-idea baru yang diperolehi daripada hasil kajiannya. Soalan esei ini sepatutnya perlu dimulakan dengan kenyataan “ Dengan mengambilkira peristiwa sejarah yang anda kaji”</p> <p>Pelajar/guru perlu didedahkan dengan ciri-ciri literasi maklumat yang antara lainnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ Mengakses maklumat secara efisien dan efektif ○ Menilai maklumat secara kritis dan cekap ○ Menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif ○ Mengamalkan etika yang baik dalam penggunaan maklumat dan teknologi maklumat
--	---

Ringkasan Analisis Kandungan Bilangan 1

1. Apakah tajuk utama, isu atau soalan yang menjadi fokus dalam analisa kandungan ini?

Fokus utama:

- 1) Bagaimanakah cara pelajar mencari maklumat?
 - 2) Bagaimanakah cara pelajar menyimpan sumber rujukan yang telah diperolehi?
 - 3) Apakah sumber-sumber yang biasa digunakan oleh pelajar?
 - 4) Adakah sumber maklumat pelajar mencukupi?
 - 5) Adakah sumber yang dinyatakan di E1 dituliskan di ruangan rujukan di E2
 - 6) Bagaimanakah cara pelajar membuat pelaporan kajian mengikut format di bawah:
 - a) Tajuk
 - b) Abstrak
 - c) Isi kandungan
 - d) Penghargaan
 - e) Objektif
 - f) Kaedah kajian
 - g) Hasil kajian
 - h) Rumusan
 - i) Rujukan
 - j) Lampiran
 - 7) Bagaimanakah pelajar mengaitkan idea-idea baru hasil daripada kajiannya untuk menghasilkan esei (E3)
 - 8) Apakah ciri-ciri literasi maklumat yang terdapat di dalam hasil kajian pelajar.
-

2. Ringkasan data yang didapati dan yang tidak didapati.

Data yang diperolehi:

1. Pelajar menyimpan sumber maklumat tanpa dituliskan sumber rujukan asal
2. Pelajar menyatakan sumber maklumat yang berbeza dengan sumber sebenar yang diperolehi
3. Pelajar menyatakan sumber melawat tempat kajian tetapi tiada bukti yang menunjukkan perkara tersebut.
4. Sumber maklumat pelajar tidak mencukupi.
5. Pelajar tidak menuliskan sumber sebenar yang diperolehi sebagai sumber rujukan kajian
6. Cara pelajar membuat pelaporan kajian:
 - a. Kesemua format dipaparkan kecuali tajuk kajian dan abstrak (tiada dalam kehendak soalan)
 - b. Objektif kajian terlalu longgar dan kurang tepat,
 - c. Kaedah kajian tidak sesuai dan tidak diulas di dalam membentangkan hasil kajian
 - d. Pelajar membuat plagiat hampir 100 peratus daripada laman web dan terdapat bukti pelajar melakukan “cut and paste”
 - e. Guru tidak menyedari perbuatan pelajar malah memberi markah penuh di E2 (pelaporan kajian)
 - f. Hasil daripada itu, pelajar tidak dapat merumus hasil kajian dengan baik
 - g. Tidak membuat lampiran kecuali kertas soalan kerja kursus

- h. Tidak menuliskan sumber rujukan yang diperolehi di E1 sebagai rujukan di E2 tetapi menulis kembali sumber rujukan yang digunakan oleh laman web
- 7. Pelajar tidak menghasilkan idea-idea baru dan tidak mengaitkan hasil kajian dengan esei yang dikarangnya.
- 8. Ciri-ciri literasi maklumat
 - a. Mendefinasi tugas
 - i. Objektif kurang tepat
 - ii. Kaedah kajian tidak sesuai
 - b. Menstrategik pencarian
 - i. Tidak dapat dikenalpasti melalui analisis kandungan
 - c. Memilih dan memfokus tajuk
 - i. Tajuk terbatas kepada format LP
 - d. Mengesan/ memilih/menilai maklumat
 - i. Maklumat yang dikumpul bersesuaian
 - e. Mengurus/menganalisa maklumat secara beretika
 - i. Menyimpan maklumat tanpa sumbernya
 - ii. Tidak dapat menentukan sumber maklumat asal
 - f. Menyusun /mempersembahkan maklumat secara beretika
 - i. Pelajar melakukan kesalahan plagiat hampir 100 peratus daripada maklumat yang dikumpul.
 - ii. Tidak menguasai gaya penulisan rujukan
 - g. Penilaian/penghasilan idea baru
 - i. Tidakmenghasilkan apa-apa idea kerana hanya menulis kembali karya pengarang lalu.
- 9. Data yang tidak diperolehi:
 - 1. Cara-cara pelajar mencari maklumat. (akan diketahui melalui interview guru pembimbing)

- 3. Apakah perkara yang perlu diberi perhatian dalam analisa kandungan lain? Apakah maklumat yang perlu didapati dalam analisa kandungan tersebut?
 - 1. Bagaimanakah cara pelajar menyimpan sumber rujukan yang telah diperolehi?
 - 2. Apakah sumber-sumber yang biasa digunakan oleh pelajar?
 - 3. Adakah sumber maklumat pelajar mencukupi?
 - 4. Adakah sumber yang dinyatakan di E1 dituliskan di ruangan rujukan di E2
 - 5. Bagaimanakah cara pelajar membuat pelaporan kajian mengikut format di bawah:
 - a) Tajuk
 - b) Isi kandungan
 - c) Penghargaan
 - d) Objektif
 - e) Kaedah kajian
 - f) Hasil kajian
 - g) Rumusan
 - h) Rujukan
 - i) Lampiran
 - 6. Bagaimanakah pelajar mengaitkan idea-idea baru hasil daripada kajiannya untuk menghasilkan esei (E3)
 - 7. Apakah ciri-ciri literasi maklumat yang terdapat di dalam hasil kajian pelajar.